


Laporan Dana Takafulink 2009



Melabur Demi
Masa Depan
yang Cerah

Laporan dan Penyata Takafulink
untuk tahun berakhir 31 Disember 2009

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Kami memahami, kami prihatin.



Melabur Demi Masa Depan yang Cerah

Pilihan, komitmen dan sering memberi perhatian adalah kunci kepada pertumbuhan portfolio yang menitikberatkan kehendak atau kemahuan anda. Dengan fokus yang kukuh, Prudential BSN Takaful akan meneruskan usaha demi kebaikan masa depan pelanggan-pelanggan kami dengan menyediakan pelan-pelan berkaitan pelaburan berasaskan shariah dan akan sentiasa meningkatkan tahap perkhidmatan kami kepada anda. Bersama kita semai benih masa depan yang lebih cerah yang bakal melindungi dan menepati keperluan anda...apabila anda amat memerlukannya.

Kandungan

- 2 Pesanan dari Ketua Pegawai Eksekutif
- 4 Objektiviti Dana
- 5 Ulasan Pelaburan
- 9 Prestasi Dana
- 10 Tinjauan Pelaburan

Para Pemegang Sijil yang dihargai,

Kami dengan hormatnya mempersembahkan Ringkasan Laporan Dana Takafulink PruBSN Takaful Berhad dan CD Rom 2009. CD Rom tersebut dilampir pada mukasurat belakang ringkasan ini. Versi lengkap Laporan Tahunan ini boleh juga didapati pada laman web kami di **www.prubsn.com.my**.

12 Maklumat Kewangan Penting
16 Penyata Aset dan Liabiliti
19 Penyata Perubahan Dalam
Nilai Aset Bersih

22 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
28 Nota-nota Penyata Kewangan
30 Laporan Pengarah
31 Laporan Juruaudit

Pesanan dari Ketua Pegawai Eksekutif

“ Memandang ke hadapan untuk tahun 2010, saya yakin kami telah menempatkan strategi-strategi yang kukuh untuk lebih mengembangkan perniagaan kami. Kami akan terus mempertingkatkan keupayaan pengedaran kami, membangunkan produk-produk yang berinovatif yang memenuhi keperluan pelanggan kami, meningkatkan aras perkhidmatan melalui perkhidmatan pelanggan dan platform operasi, dan juga membina keupayaan dan kemahiran modal insan kami.’

Assalamualaikum,

Tahun 2009 adalah satu tahun yang penuh cabaran disebabkan oleh krisis kewangan global. Krisis ini juga membawa kesan kepada ekonomi Malaysia yang terbukti dengan penguncupan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) negara. Ianya membawa kesan kepada semua sektor dalam ekonomi termasuk sektor kami – perkhidmatan kewangan.

Walaupun bagaimanapun, Prudential BSN Takaful kekal mantap dalam tempoh yang mencabar ini. Kami berjaya mencatat beberapa pencapaian luar dari jangkaan daripada saluran jualan kami dan kami amat bangga dengan kejayaan ini.

Ianya juga adalah satu tahun yang progresif bagi PruBSN. Kami telah membangunkan produk-produk yang bersesuaian bagi pelanggan kami; merumuskan strategi-strategi yang kami harap dapat membawakan perniagaan kami ke tahap yang lebih tinggi dan meningkatkan keupayaan pengedaran kami. Kami akan kekal membangunkan perkhidmatan pelanggan dan platform operasi yang dicontohi di samping membangunkan modal insan sedia ada.

Sebaliknya, kami juga telah bekerjasama dengan ASTRO untuk menyumbang balik kepada masyarakat melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat kami, Segunung Harapan. Aktiviti-aktiviti sebegini sememangnya amat bermakna untuk kami dan kami akan berusaha untuk lebih menyumbang kepada masyarakat pada masa akan datang.

Dengan sifat dinamisme dan berinovatif sebagai identiti kami, saya yakin PruBSN akan mara ke hadapan dalam tahun semasa dan mengekalkan kedudukan peneraju pasaran kami. Kami menjangka untuk mencapai pertumbuhan yang berterusan untuk tahun 2010 dan berharap akan mencapai lebih kejayaan dan peristiwa penting.

Saya ingin mengucapkan TERIMA KASIH di atas sokongan berterusan anda, dan kami berharap untuk terus memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda dalam tahun 2010!

Yang benar,

Azim Mithani

*Ketua Pegawai Eksekutif,
Prudential BSN Takaful Berhad*



Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti bertujuan memaksimumkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur di dalam saham-saham berkualiti tinggi yang diluluskan oleh Shariah dan yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Takafulink Dana Bon berhajat memberi pengumpulan modal jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur di dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam (*Islamic Private Debt Securities* atau *IPDS*) terpilih dan Kemudahan Pembiayaan Islam (*Islamic Financing Facilities* atau *IFF*).

Takafulink Dana Urus berusaha memaksimumkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur di dalam saham yang diluluskan oleh Shariah serta IPDS dan IFF melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta di dalam mana-mana dana Takafulink lain yang mungkin tersedia pada masa hadapan.

Ulasan Pelaburan

Di dalam jangka masa tinjauan, Indeks FBM Shariah EMAS Bursa Malaysia FTSE (FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index atau FBMSHA) telah naik sebanyak 43.%, mencapai prestasi yang lebih rendah berbanding dengan pasaran am di rantau di mana indeks MSCI Asia Pacific ex-Japan (MxAPJ) telah meningkat sebanyak 67% pada tempoh yang sama.

Dalam tahun 2009, pasaran ekuiti tempatan bermula dalam keadaan yang positif berikutan kemungkinan terdapatnya rangsangan tambahan yang akan dikemukakan oleh Presiden Amerika Syarikat selepas pelantikan beliau. Walau bagaimanapun, momentum tersebut tidak kekal selepas timbulnya kebimbangan mengenai kadar pemulihan ekonomi. Dari segi domestik, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengejutkan pasaran dengan penurunan yang lebih besar dari jangkaan iaitu sebanyak 75 mata asas pada Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate* atau OPR) di Januari 2009, berikutan tekanan inflasi yang menurun selaras dengan langkah-langkah pengurangan kuantitatif global. Sebulan selepas itu, BNM mengejutkan pasaran sekali lagi dengan penurunan yang lebih awal dari jangkaan iaitu sebanyak 50 mata asas pada OPR. Ini timbul akibat ketidakpastian dalam keadaan politik bagi kerajaan negeri Perak, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku keempat 2008 yang lebih rendah dari jangkaan sebanyak 0.1%, dan lebih penurunan secara konsensus untuk jangkaan pendapatan bagi tahun 2009. Sebagai tindakbalas, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Pakej Rangsangan Kedua bernilai RM60 bilion (2009-2010) untuk menimbal ekonomi Malaysia daripada kemelesetan yang teruk. Walau bagaimanapun, pasaran tempatan telah mengalami kelemahan berikutan pengumuman terbitan hak bagi dua indeks utama, iaitu TM International dan Maybank, yang dilihat sebagai satu keadaan yang negatif.

Memasuki suku kedua 2009, aliran berita global dan serantau bertukar positif dengan pengumuman dari Amerika Syarikat mengenai “*green shoots*”, menunjukkan tanda-tanda pemulihan dalam ekonomi. Pasaran ekuiti tempatan telah meraih manfaat dari berita ini dengan kembalinya selera risiko dan lebihan kecairan di pasaran. Aliran berita yang positif terus kekal sehingga Persidangan *Invest Malaysia 2009* yang telah diadakan pada 30 Jun 2009. Dasar-dasar yang melonggarkan sektor perkhidmatan serta beberapa aspek dalam sektor kewangan juga telah merangsangkan sentimen pasaran.

Ulasan Pelaburan

(sambungan)

Dalam suku ketiga 2009, pasaran saham tempatan bermula dengan fasa penggabungan selepas para pelabur mengambil kira pengumuman dari Invest Malaysia 2009 yang telah berakhir pada 1 Julai 2009. Beberapa para pelabur telah mengimbangi semula portfolio mereka bagi mencerminkan perubahan-perubahan dalam Indeks Komposit KL kepada Indeks Komposit KL FTSE Bursa Malaysia (FBMKLCI). Apabila pasaran ekuiti negara China mengalami pembetulan yang curam akibat kebimbangan para pelabur mengenai pengetatan kewangan, para pelabur tempatan telah mengambil peluang untuk mendapat keuntungan setelah isu-isu politik yang baru terbangkit semula. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran telah memulih akibat pendapatan korporat yang lebih baik dari jangkaan serta penguncupan lebih perlahan yang lebih baik daripada jangkaan yang diumumkan pada suku kedua 2009 (-3.9% tahun-atas-tahun, konsensus: -5.3%).

Pada suku keempat 2009, para pelabur telah membeli saham-saham sebelum pengumuman Belanjawan 2010 pada 23 Oktober 2009. Sebaliknya, beberapa stok telekomunikasi terpilih berada di bawah tekanan jualan apabila para pengurus dana telah mengumpul dana bagi penyenaian Maxis Berhad. Musim keputusan dalam suku ketiga 2009 yang agak kukuh adalah kejutan yang mengembirakan apabila jumlah syarikat dengan keputusan yang melampaui jangkaan pasaran melebihi jumlah syarikat yang mengecewakan pasaran. Nilai purata yang didagangkan di Bursa pada bulan November meningkat 7% bulan-atas-bulan ke RM1.38 bilion (RM1.29 bilion pada bulan Oktober) sehari, sebahagiannya didorong oleh usaha Tawaran Awam Permulaan (*Initial Public Offering* atau IPO) terbesar di Malaysia dan ASEAN pada tahun 2009 – Maxis Berhad. Walaupun terdapatnya kebimbangan mengenai kemampubayaran dan hak terbitan di Dubai yang telah diumumkan oleh syarikat terpilih yang besar, aliran berita korporat yang positif serta pengumuman potensi penggabungan dan pemerolehan (*mergers and acquisitions* atau M&A) telah membantu FBMKLCI menutup di aras 1272.78 pada akhir 2009.

Bagi pasaran domestik, Indeks Harga Konsumer (*Consumer Price Index* atau CPI) meningkat 1.1% tahun-atas-tahun pada Disember 2009 buat kali pertama semenjak Mei tahun lepas. CPI yang lebih rendah ini telah membantu mengurangkan harga pengangkutan dan makanan. Walau bagaimanapun, inflasi yang berterusan dari kadar terendah -2.4% tahun-atas-tahun pada Julai dan Ogos 2009, menandakan bahawa kesan asas yang lebih tinggi telah beransur-ansur lusuh. Pengurangan tekanan inflasi ini telah memberi ruang kepada BNM untuk melaksanakan polisi kewangan yang akomodatif bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Pasaran bon tempatan bermula lebih kukuh dalam tahun 2009 dengan penurunan 75 mata asas dalam OPR serta kadar inflasi yang sederhana. Walau bagaimanapun, kebimbangan penawaran bon berdaulat (*sovereign bonds*), penarafan hutang matawang tempatan Malaysia dari 'stabil' ke 'negatif' oleh Fitch, dan kenyataan BNM mengenai penurunan OPR yang telah diperkenalkan lebih awal (*frontloaded*) memberi kesan yang ketara kepada sentimen pasaran. Di samping itu, pemotongan 50 mata asas dalam OPR pada bulan Februari dan penyemakan semula kalendar pelepasan MGS menyebabkan hasil bon berdaulat berahir lebih tinggi pada suku pertama 2009.

Kebimbangan mengenai penawaran berterusan dalam pasaran bon berdaulat pada suku kedua 2009. Bersama dengan jangkaan yang lebih rendah untuk pemotongan kadar pada masa hadapan serta penurunan penarafan matawang tempatan jangka panjang untuk Malaysia dari A+ ke A oleh Fitch Rating telah menyebabkan hasil bon berdaulat meningkat dalam suku kedua 2009.

Bon berdaulat kukuh pada permulaan suku ketiga 2009 berikutan kenyataan dari Gabenor BNM bahawa pemotongan kadar tidak boleh diketepikan. Walau bagaimanapun, perdagangan bagi bon berdaulat lebih rendah berikutan pengecutan KDNK pada suku kedua 2009, iaitu sebelum musim perayaan pada September 2009.

Ulasan Pelaburan

(sambungan)

Hasil MGS meningkat pada permulaan suku keempat 2009 walaupun defisit sasaran yang lebih rendah iaitu 5.6% bagi KDNK 2010 telah diumumkan semasa Belanjawan 2010 pada Oktober 2009. Terbitan bon korporat (kebanyakannya AAA) yang lebih tinggi telah melemahkan minat dalam bon berdaulat dan juga telah menyumbang kepada hasil yang lebih tinggi bagi MGS. Hasil bon berdaulat bertambah baik sebelum aktiviti pengambilan keuntungan timbul menjelang akhir tahun apabila kebimbangan mengenai penawaran menyusut selepas pengumuman Belanjawan 2010.

Akibatnya, hasil didagang lebih tinggi dalam jangka masa tinjauan. Hasil bon berdaulat 3-, 5- dan 10- tahun meningkat 29 mata asas, 83 mata asas dan 108 mata asas dan telah tutup pada 3.24%, 3.79% dan 4.25% masing-masing.

Pada amnya, hasil bon korporat bergerak selaras dengan hasil bon berdaulat, meskipun dengan lebih perlahan. Aktiviti-aktiviti dalam pasaran bon korporat disokong oleh selera risiko yang bertambah pulih dan dipengaruhi oleh beberapa nama terpilih dalam segmen AAA dan AA, yang membawa kepada pengetatan dalam penyebaran kredit dan dengan itu, pulangan yang lebih baik.

Prestasi Dana

Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2009, Nilai Aset Bersih seunit Dana telah meningkat sebanyak 36.13% kepada RM1.1949 berbanding RM0.8777 pada 31 Disember 2008.

Semenjak permulaannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 19.49%.

Takafulink Dana Bon

Pada 31 Disember 2009, Nilai Aset Bersih seunit bagi Takafulink Dana Bon telah meningkat ke RM1.1134 daripada RM1.0603 pada 31 Disember 2008, mencatatkan pulangan sebanyak 5.01% dalam jangka masa tinjauan.

Semenjak permulaannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 11.34%.

Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2008, Nilai Aset Bersih seunit bagi Takafulink Dana Urus adalah RM1.1826 berbanding RM0.9156 pada 31 Disember 2008, mencatatkan pulangan sebanyak 29.17% bagi jangka masa tinjauan.

Semenjak permulaannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 18.26%.

Tinjauan Pelaburan

Ekuiti

Walaupun terdapat kecurigaan pada permulaan 2009, ekonomi global kelihatan bertambah baik. Ini terbukti melalui data ekonomi yang lebih baik pada separuh tahun 2009. Ekonomi-ekonomi utama Amerika Syarikat dan Eropah telah mula mencatat pertumbuhan tahunan yang positif dalam suku ketiga. Pada masa yang sama, kebanyakan negara di rantau ini juga telah kembali mencatat pertumbuhan yang positif bila mengambil kira dasar tahun-atas-tahun. Walaupun ekonomi global bertambah pulih, kadar pemulihan adalah dijangka perlahan dan tidak sama rata, memandangkan keumpulan semula global masih berterusan dan negara-negara masih bergantung kepada polisi kerajaan untuk pertumbuhan mampan.

Tinjauan untuk tahun 2010 kelihatan lebih mencabar di mana bank-bank pusat dan kerajaan berkemungkinan akan melegakan polisi-polisi monetari dan fiskal yang longgar dalam tahun 2009. Risiko gelembung aset dan akibat yang tinggi daripadanya akan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pengetatan yang lebih ketara secara global menjelang pertengahan 2010.

Dari segi domestik, kami menjangka Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak akan terus memperkenalkan lebih polisi-polisi liberalisasi; terbitan data ekonomi yang lebih positif memandangkan dasar yang rendah pada 2009; dan pendapatan korporat yang akan terus kukuh.

Beberapa peristiwa atau faktor yang mungkin memberi sokongan kepada bursa tempatan termasuk:

- Asas ekonomi makro yang bertambah baik.
- Pengumuman polisi kerajaan yang positif.
- Pengumuman polisi yang mesra pelanggan.
- Lebih aktiviti M&A dan penstrukturan korporat.
- Lebih aktiviti IPO pada masa akan datang.

Memandang ke hadapan, kami terus memilih strategi pelaburan bawah-ke-atas, di mana pemilihan stok secara taktikal dan pembahagian aset akan memandu prestasi dana yang tinggi. Kami juga akan memilih syarikat-syarikat yang menunjukkan kestabilan dalam pendapatan, berdaya saing di pasaran tempatan atau global, ketelusan dan amalan tadbir urus yang baik.

Bon

Apabila kebanyakan bank-bank pusat di rantau ini mengakhiri kitaran monetari akomodatif mereka, kemungkinannya terdapat risiko kenaikan kadar polisi sekiranya tekanan inflasi meningkat, terutamanya menjelang pertengahan kedua 2010.

Dari segi domestik, kadar pemulihan ekonomi yang lembap, dan tekanan inflasi yang berhala ke atas tetapi di bawah kawalan, akan memberi BNM peluang untuk meneruskan polisi monetari akomodatifnya bagi menyokong pemulihan ekonomi domestik. Apa juga kenaikan kadar pada 2010 dijangka adalah sederhana memandangkan pemulihan ekonomi yang perlahan.

Selaras dengan polisi Kerajaan untuk mengurangkan perkembangan fiskal dari 7.4% daripada KDNK ke ramalan 5.6% daripada KDNK pada 2010, BNM baru-baru ini telah mengeluarkan kalendar pelepasan bon berdaulat 2010, dengan pengurangan dalam aktiviti-aktiviti lelongan berbanding 2009 (19 berbanding 28 dalam 2009). Dengan itu, kebimbangan mengenai penawaran untuk pasaran bon berdaulat telah berkurang.

Penawaran dan aktiviti-aktiviti bon korporat dijangka meningkat dalam 2010 di mana para penerbit dijangka akan meraih manfaat daripada persekitaran kadar faedah yang rendah serta peningkatan selera risiko para pelabur untuk mendapatkan kos pinjaman yang lebih rendah sebelum sebarang kenaikan kadar.

Suatu persekitaran kecairan yang memadai, kadar faedah yang rendah, dan penyebaran kredit yang luas, akan terus menyumbang kepada pasaran bon. Pemulihan ekonomi dan keadaan kewangan yang bertambah baik berkemungkinan akan mengubah selera risiko ke bon-bon pelaburan yang mempunyai gred lebih rendah, yang akan membawa kepada penguncupan penyebaran kredit dan dengan itu, pulangan yang lebih baik. Kami akan terus mengumpul terbitan-terbitan berkualiti yang mempunyai aliran tunai yang stabil di samping mencari peluang-peluang perdagangan.

Maklumat Kewangan Penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

TAKAFULINK DANA EKUITI

Kategori	2009 %	2008 %	2007 %
Saham-saham yang diluluskan Shariah			
Bahan Pembinaan	2.73	1.20	6.77
Konglomerat	13.30	10.86	13.15
Pembinaan	7.98	8.43	8.47
Konsumer	2.89	2.25	1.55
Kewangan	0.28	–	–
Perindustrian	5.58	2.39	3.66
Media	0.25	1.25	3.14
Motor	1.45	1.66	3.76
Minyak & Gas	4.76	6.21	10.24
Perladangan	14.67	8.44	6.57
Tenaga	10.41	8.52	7.04
Hartanah	4.77	2.07	5.30
Teknologi	0.60	–	3.31
Telekomunikasi	12.49	10.64	4.35
Pembalakan	–	–	0.41
Pengangkutan	3.07	4.24	4.37
Air	0.49	1.08	2.07
	85.72	69.25	84.16
Tunai dan Deposit	15.38	28.66	18.63
Aset-aset Lain	0.75	2.35	(0.01)
Jumlah Liabiliti	(1.85)	(0.46)	(2.78)
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Maklumat Kewangan Penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

TAKAFULINK DANA EKUITI (samb.)

Kategori	2009 %	2008 %	2007 %
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	93,892,359	39,816,472	22,179,240
Unit dalam Pendedaran	78,577,690	45,362,268	16,330,676
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	1.1949	0.8777	1.3581
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	1.204	1.406	1.363
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	0.871	0.844	0.983
Jumlah Pulangan			
- Pertumbuhan Modal	36.13%	-35.37%	35.81

Pulangan Tahunan Purata – Dana

Tempoh

Satu tahun	36.13%
Tiga tahun	5.53%

Pulangan Tahunan Purata – Penanda Aras: FTSE-Indeks Emas Syariah Bursa Malaysia (FBMSHA)

Tempoh

Satu tahun	43.03%
Tiga tahun	5.10%

Maklumat Kewangan Penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

Kategori	TAKAFULINK DANA BON		
	2009 %	2008 %	2007 %
Sekuriti Hutang Islam	54.25	63.11	85.40
Bon Kerajaan	26.37	10.88	0.00
Bon separa Kerajaan	7.13	0.00	0.00
	87.74	73.99	85.40
Tunai dan Deposit	12.40	25.35	14.16
Aset-aset Lain	0.66	1.25	1.07
Jumlah Liabiliti	(0.80)	(0.59)	(0.63)
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	18,742,204	15,528,062	11,704,512
Unit dalam Pendedaran	16,817,282	14,645,091	11,238,402
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	1.1134	1.0603	1.0415
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	1.114	1.060	1.043
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	1.060	1.025	1.000
Jumlah Pulangan			
- Pertumbuhan Modal	5.01%	1.81%	4.15

Pulangan Tahunan Purata – Dana

Tempoh

Satu tahun	5.01%
Tiga tahun	3.44%

Pulangan Tahunan Purata – Penanda Aras: Kadar Deposit Islam MBB 1 bulan Aras 2

Tempoh

Satu tahun	2.13%
Tiga tahun	2.65%

Maklumat Kewangan Penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

Kategori	TAKAFULINK DANA URUS		
	2009 %	2008 %	2007 %
Pelaburan dalam -			
<i>Takafulink Dana Ekuiti</i>	81.33	76.83	84.84
<i>Takafulink Dana Bon</i>	18.67	23.17	15.16
Aset-aset Lain	0.00	–	–
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	23,037,250	9,031,083	3,047,901
Unit dalam Pengedaran	19,479,632	9,864,080	2,358,805
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	1.1826	0.9156	1.2921
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	1.188	1.331	1.292
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	0.911	0.885	0.987
Jumlah Pulangan			
- Pertumbuhan Modal	29.17%	-29.14%	29.21

Pulangan Tahunan Purata – Dana

Tempoh

Satu tahun	29.17%
Tiga tahun	5.26%

Pulangan Tahunan Purata – Penanda Aras: 80% FBMSHA + 20% Kadar Deposit Islam MBB 1 bulan Aras 2

Tempoh

Satu tahun	34.02%
Tiga tahun	4.95%

Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2009

	TAKAFULINK DANA EKUITI			
	2009		2008	
	RM	%	RM	%
Pelaburan				
Saham yang diluluskan oleh Shariah	80,481,952	85.72	27,572,486	69.25
Tunai dan Deposit				
Tunai di Bank	2,049	0.00	31,820	0.08
Deposit	14,440,000	15.38	11,460,000	28.78
Aset Cukai	410,890	0.44	260,398	0.65
Aset-aset lain	288,718	0.31	677,547	1.70
Jumlah Aset	95,623,609	101.85	40,002,251	100.46
Peruntukan untuk Cukai Tertunda	(618,566)	(0.66)	(80,132)	(0.20)
Peruntukan untuk Percukaian	(214,554)	(0.23)	(97,550)	(0.24)
Liabiliti-liabiliti lain	(898,130)	(0.96)	(8,097)	(0.02)
Jumlah Liabiliti	(1,731,250)	(1.85)	(185,779)	(0.46)
Nilai Aset Bersih Dana	93,892,359	100.00	39,816,472	100.00
Dana Peserta				
Modal	84,339,096	89.83	49,135,311	123.40
Pendapatan yang dijanakan/ (Kerugian terkumpul) bawa ke hadapan	9,553,263	10.17	(9,318,839)	(23.40)
	93,892,359	100.00	39,816,472	100.00
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	1.19490		0.87774	
Jumlah Unit	78,577,690		45,362,268	

Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 December 2009

TAKAFULINK DANA BON

	2009		2008	
	RM	%	RM	%
Pelaburan				
Sekuriti Hutang Islam	16,429,142	87.74	11,489,102	73.99
Tunai dan Deposit				
Tunai di Bank	2,206	0.01	7,543	0.05
Deposit	2,320,000	12.39	3,930,000	25.30
Aset-aset lain	123,288	0.66	193,709	1.25
Jumlah Aset	18,874,636	100.80	15,620,354	100.59
Peruntukan untuk Percukaian	(145,032)	(0.77)	(90,546)	(0.58)
Peruntukan untuk Cukai Tertunda	(1,145)	(0.01)	(178)	0.00
Liabiliti-liabiliti lain	(4,255)	(0.02)	(1,568)	(0.01)
Jumlah Liabiliti	(150,432)	(0.80)	(92,292)	(0.59)
Nilai Aset Bersih Dana	18,724,204	100.00	15,528,062	100.00
Dana Peserta				
Modal	17,224,557	91.99	14,859,564	95.69
Pendapatan yang dijanakan bawa ke hadapan	1,499,647	8.01	668,498	4.31
	18,724,204	100.00	15,528,062	100.00
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	1.11339		1.06029	
Jumlah Unit	16,817,282		14,645,091	

Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2009

	TAKAFULINK DANA URUS			
	2009		2008	
	RM	%	RM	%
Pelaburan dalam -				
<i>Takafulink Dana Ekuiti</i>	18,737,138	81.33	6,938,410	76.83
<i>Takafulink Dana Bon</i>	4,300,103	18.67	2,092,620	23.17
Tunai di Bank	–	–	–	–
Aset-aset lain	830	0.00	3 75	0.00
Jumlah Aset	23,038,071	100.00	9,031,405	100.00
Liabiliti-liabiliti lain	(821)	(0.00)	(322)	(0.00)
Jumlah Liabiliti	(821)	(0.00)	(322)	(0.00)
Nilai Aset Bersih Dana	23,037,250	100.00	9,031,083	100.00
Dana Peserta				
Modal	20,908,159	90.76	10,616,085	117.55
Pendapatan yang dijanakan/ (Kerugian terkumpul)bawa ke hadapan	2,129,091	9.24	(1,585,002)	(17.55)
	23,037,250	100.00	9,031,083	100.00
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	1.18263		0.91555	
Jumlah Unit	19,479,632		9,864,080	

Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

TAKAFULINK DANA EKUITI

	2009 RM	2008 RM
Nilai aset bersih pada permulaan tahun	39,816,472	22,179,240
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	76,953,647	45,768,389
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(41,749,862)	(15,819,364)
Pendapatan bersih/(Perbelanjaan)	18,872,102	(12,311,793)
Nilai dana pada penghujung tahun	93,892,359	39,816,472

Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

TAKAFULINK DANA BON

	2009 RM	2008 RM
Nilai aset bersih pada permulaan tahun	15,528,062	11,704,512
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	9,140,169	5,519,762
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(6,775,176)	(1,962,448)
Pendapatan Bersih	831,149	266,236
Nilai dana pada penghujung tahun	18,724,204	15,528,062

Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

TAKAFULINK DANA URUS

	2009 RM	2008 RM
Nilai aset bersih pada permulaan tahun	9,031,083	3,047,901
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	20,013,016	12,505,129
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(9,720,942)	(4,733,391)
Pendapatan bersih/(Perbelanjaan)	3,714,093	(1,788,556)
Nilai dana pada penghujung tahun	23,037,250	9,031,083

Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

TAKAFULINK DANA EKUITI

	2009 RM	2008 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	1,986,007	1,464,506
Pendapatan Keuntungan	227,032	249,075
Pendapatan Dividen	1,758,975	1,215,431
Keuntungan dalam Pelupusan Sekuriti	3,319,208 3,319,208	982,439 982,439
Laba modal belum terealisasi	17,959,422	–
Pendapatan lain	151	567,940
Jumlah Pendapatan	23,264,788	3,014,885

**TAKAFULINK
DANA
EKUITI**
(samb.)

	2009 RM	2008 RM
Fi Pengurusan Pelaburan	(1,001,373)	(453,357)
Kerugian dalam Pelupusan Sekuriti	(2,702,938) (2,702,938)	(8,508,726) (8,508,726)
Kerugian modal belum terealisasi	–	(6,264,693)
Peruntukan untuk percukaian	(655,439)	(68,814)
Lain-lain Perbelanjaan	(32,936)	(31,088)
Jumlah Perbelanjaan	(4,392,686)	(15,326,678)
Pendapatan Bersih/(Perbelanjaan)	18,872,102	(12,311,793)
(Kerugian terkumpul)/Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	(9,318,839)	2,992,954
Jumlah Tersedia untuk Pengedaran	–	–
Pendapatan yang dijanakan/(Kerugian terkumpul) bawa ke hadapan	9,553,263	(9,318,839)

Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

	TAKAFULINK DANA BON	
	2009 RM	2008 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	681,950	604,736
Pendapatan Keuntungan	681,950	604,736
Keuntungan dalam Pelupusan	16,327	–
Sekuriti	16,327	–
Lain-lain	–	–
Laba modal belum terealisasi	297,470	–
Pendapatan lain	–	17,851
Jumlah Pendapatan	995,747	622,587

**TAKAFULINK
DANA
BON
(samb.)**

	2009 RM	2008 RM
Fi Pengurusan Pelaburan	(85,576)	(66,838)
Kerugian dalam Pelupusan Sekuriti	(17,200) (17,200)	– –
Kerugian modal belum terealisasi	–	(234,724)
Peruntukan untuk percukaian	(54,552)	(48,165)
Lain-lain Perbelanjaan	(7,270)	(6,624)
Jumlah Perbelanjaan	(164,598)	(356,351)
Pendapatan Bersih	831,149	266,236
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	668,498	402,262
Jumlah Tersedia untuk Pengedaran	–	–
Pendapatan yang dijanakan/Kerugian	1,499,647	668,498

Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

TAKAFULINK DANA URUS

	2009 RM	2008 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	209,596	71,082
Rebat Fi	209,596	71,082
Keuntungan dalam Pelupusan Sekuriti	444,625	13,629
Laba modal belum terealisasi	3,469,082	–
Pendapatan Lain	–	4,172
Jumlah Pendapatan	4,123,303	88,883

	TAKAFULINK DANA URUS (samb.)	
	2009 RM	2008 RM
Fi Pengurusan Pelaburan	(206,276)	(72,568)
Kerugian dalam Pelupusan Sekuriti	(202,756) (202,756)	(433,850) (433,850)
Modal belum terealisasi kerugian	–	(1,371,021)
Peruntukan untuk percukaian	–	–
Perbelanjaan lain	(178)	–
Jumlah Perbelanjaan	(409,210)	(1,877,439)
Pendapatan Bersih/(Perbelanjaan)	3,714,093	(1,788,556)
(Kerugian Terkumpul)/Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	(1,585,002)	203,554
Jumlah Tersedia untuk Pengedaran	–	–
Pendapatan yang dijanakan/(Kerugian terkumpul) bawa ke hadapan	2,129,091	(1,585,002)

Nota-nota Penyata Kewangan

1. Ringkasan Polisi Perakaunan Penting

a. Dasar Perakaunan

Penyata-penyata kewangan telah disediakan selaras dengan JPI/GPI 33 – Garis Panduan perniagaan Berkait dengan Pelaburan dan keperluan dokumen sijil, diubahsuai seperti berikut:

- (i) bagi tujuan penentuan harga unit, pelaburan pada nilai pasaran diselaraskan untuk mengambil kira kos perolehan pada masa hadapan. Ini adalah untuk memastikan harga unit yang wajar bagi bakal pemegang unit, pemegang unit tamat tempoh dan pemegang unit sedia ada; dan
- (ii) bagi tujuan penentuan harga unit, peruntukan untuk cukai tertunda diiktirafkan ke atas perbezaan sementara yang dikenakan cukai dan deduktibel dengan menggunakan kadar pengiraan aktuari sebanyak 4% berbanding kadar berkanun sebanyak 8%. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa perbezaan sementara ini hanya akan direalisasikan pada masa hadapan, dengan itu, kadar cukai yang lebih rendah iaitu 4% telah digunakan untuk memastikan penetapan harga unit yang sekata bagi bakal pemegang unit, pemegang unit tamat tempoh dan pemegang unit sedia ada.

b. Pelaburan

Pelaburan yang disebut harga dinilai pada harga pasaran di penghujung tahun kewangan.

Bon-bon/saham-saham pinjaman yang tidak disebut harga dinilai pada harga sedia ada yang disebut harga oleh institusi-institusi kewangan.

Keuntungan atau kerugian bersih belum direalisasikan dalam nilai pelaburan dikreditkan atau dicaj ke dalam akaun modal.

c. Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen dikenalpasti apabila hak untuk menerima pembayaran diwujudkan.

d. Pendapatan Keuntungan

Pendapatan keuntungan dikenal pasti pada dasar akrual.

e. Keuntungan/Kerugian bagi Jualan Pelaburan

Keuntungan atau kerugian yang terbit dari hasil penjualan pelaburan akan dikreditkan atau dicitai kepada akaun modal.

f. Fi Pengurusan Pelaburan

Fi pengurusan pelaburan dikira menurut peruntukan dalam dokumen sijil.

g. Rebat Fi

Ini berkaitan dengan rebat fi dari Pengurus Kewangan yang merujuk kepada pelaburan yang dipegang di dalam Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon bagi Takafulink Dana Urus.

h. Wang tunai dan persamaan

Wang tunai dan persamaannya terdiri daripada wang tunai di tangan dan baki dalam bank tidak termasuk deposit Islam.

2. Lain-lain pengeluaran adalah dalam bentuk caj-caj bank dan caj-caj pemegang amanah.
3. Pada 31 Disember 2009, Dana tidak mempunyai liabiliti atau komitmen luar jangka.
4. Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Laporan Pengarah

Menurut pendapat Para Pengarah, penyata kewangan bagi Dana-dana Takafulink (“Dana”) yang terdapat di muka surat 16 hingga 29, yang mengandungi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2009 dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang berkaitan serta Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 bersama dengan nota-nota tambahan, telah disediakan menurut JPI/GPI 33 – Garis panduan Perniagaan Berkait dengan Pelaburan (The Guidelines on Investment-Linked Business) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, dan memberi gambaran yang benar dan wajar mengenai kedudukan kewangan Dana-dana pada 31 Disember 2009 serta prestasi kewangan dan pergerakan dalam Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih yang diatributkan kepada pemegang-pemegang unit Dana bagi tahun berakhir pada tarikh yang dinyatakan.

Ditandatangani mengikut resolusi Para Pengarah:

Adinan bin Maning

Charlie Espinola Oropeza

Kuala Lumpur
31 Mac 2010

Laporan Juruaudit kepada Pemegang Unit Dana-dana Takafulink

Laporan mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan Dana-Dana Takafulink Prudential BSN Takaful Berhad, yang mengandungi Penyata Aset dan Liabiliti seperti pada 31 Disember 2009 dan penyata-penyata sehubungan dengannya iaitu Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Pertukaran Nilai Aset Bersih untuk tahun yang telah berakhir, ringkasan polisi-polisi perakaunan yang ketara dan nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang tertera di muka surat 16 hingga 29.

Tanggungjawab Para Pengarah bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah bagi Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyampaikan penyata kewangan ini dengan wajar selaras dengan JPI/GPI 33 – Garis panduan Perniagaan Berkait dengan Pelaburan (*The Guidelines on Investment-Linked Business*). Tanggungjawab ini termasuk: membentuk, melaksana dan mengekalkan pengawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan penyampaian wajar untuk penyata-penyata kewangan yang bebas daripada sebarang salah nyata yang penting, sama ada akibat dari penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunakan polisi-polisi perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang berpatutan mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat tentang penyata-penyata kewangan ini berdasarkan pada audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami memenuhi keperluan beretika di samping merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk mencapai jaminan munasabah sama ada penyata-penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada salah nyata yang penting.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapat bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih tertakluk kepada penilaian kami, yang termasuk penilaian risiko mengenai salah nyata yang penting dalam penyata-penyata kewangan, sama ada akibat dari penipuan atau kesilapan. Dalam penilaian risiko-risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan Pengurus dan penyampaian yang wajar tentang penyata-penyata kewangan supaya dapat membentuk prosedur-prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Pengurus. Sesuatu audit juga termasuk memberi penilaian tentang kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang diamalkan serta keberpatutan anggaran perakaunan yang diamalkan oleh Para Pengarah, di samping menilaikan keseluruhan penyampaian penyata-penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi dasar munasabah kepada pendapat audit kami.

Laporan Juruaudit

kepada Pemegang Unit Dana-dana Takafulink (sambungan)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan tersebut telah dilaksanakan dengan betul dan selaras dengan polisi-polisi perakaunan yang tertera dalam Nota 1 untuk penyata-penyata kewangan serta JPI/GPI 33 – Garis Panduan Perniagaan Berkait dengan Pelaburan untuk memberi pandangan yang benar dan wajar mengenai keadaan kewangan Dana-Dana pada 31 Disember 2009 dan juga prestasi kewangan serta pertukaran dalam aset bersih yang diatributkan pada pemegang-pemegang unit Dana bagi tahun yang berakhir, selaras dengan JPI/GPI 33.

Penekanan Isu-Isu

Tanpa melayakkan pendapat kami, kami ingin menarik perhatian anda kepada Nota 1a dalam penyata kewangan. Bagi tujuan penetapan harga unit, pelaburan telah diubahsuai untuk mengambil kira kos pemerolehan masa hadapan, dan peruntukan bagi cukai tertunda telah dikira menggunakan kadar cukai yang lebih rendah daripada kadar cukai berkanun. Seperti yang dijelaskan dalam Nota 1a, Para Pengarah berpendapat ianya lebih wajar kepada pemegang-pemegang unit untuk menggunakan kadar cukai yang lebih rendah ini dalam penetapan harga unit.

Kemungkinan kejadian isu yang tersebut di atas tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap penetapan harga unit bagi Dana masing-masing.

Lain-Lain Hal

Laporan ini adalah khusus untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu kumpulan, dan adalah selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

KPMG

Akauntan Bertauliah
Petaling Jaya, Selangor
31 Mac 2010